

Malaysia bukan laluan pertahanan negara lain

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **AIMAN ALI**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan membenarkan mana-mana negara menjadikan perairan negara sebagai laluan pertahanan dalam pertikaian yang berlaku antara mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia tidak akan berganjak dalam hal-hal berkaitan tuntutan kawasan-kawasan milik negara.

Menurut beliau, Malaysia mempunyai pelbagai isu dengan semua negara termasuk Thailand, Filipina, Indonesia, Sin-

gapura dan Brunei.

“Sebab itu, kita kurang setuju apabila permasalahan, pertelingkahan sempadan hanya dirujuk kepada satu negara umpamanya China, padahal kita mempunyai masalah (dengan banyak negara).

“(Bagaimanapun), masalah ini tidak menjejaskan hubungan diplomatik, perdagangan dan persahabatan yang akrab dengan jiran-jiran kita tetapi kita akan terus menegur serta membantah sekiranya perairan kita digunakan sebagai laluan pertahanan tanpa izin,” katanya semasa sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian men-

jawab soalan tambahah Datuk Seri Takiyuddin Hasan (PN-Kota Bharu) mengenai pendekatan dan strategi Malaysia dalam rangka menyelesaikan masalah tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia akan menggunakan saluran rundingan dan dialog untuk menangani serta menyelesaikan isu sempadan.

“Kita tak berganjak pendirian kita tentang kawasan milik Malaysia. Sebab itu cari gali minyak oleh Petronas termasuk di kawasan (projek gas) Kasawari diteruskan.

“Walaupun dibangkitkan oleh China, kita kata akan teruskan

(cari gali) tetapi tak pernah tutup ruang untuk berbincang dengan mana-mana negara,” jelasnya.

Anwar berkata, ASEAN sepakat bahawa sebarang isu sempadan yang berbangkit akan diselesaikan mengikut kerangka Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut (UNCLOS) 1982.

“Dalam mesyuarat ASEAN lalu, di hadapan Amerika Syarikat (AS) dan China, Jepun, Korea Selatan, saya tegaskan mengenai keperluan untuk terikat kepada UNCLOS dan saya lihat maklum balas China, setuju penyelesaian mengikut kerangka UNCLOS,” katanya.